چانغ
CANANG
JULAI 2020

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-74 TAHUN
TAHUN 1441H/2020M

15 JULAI 2020

"Pada tahun ini, sambutan terpaksa berbeza, kerana dunia masih saja diancam oleh pandemik korona-virus. Namun kita bersyukur, kerana dengan izin Allah jua, negara kita telah dapat mengawal penu-laran wabak tersebut.

Beta sekali lagi mengucapkan syabas kepada seluruh lapisan masyarakat, khasnya para petugas di barisan hadapan yang bertungkus lumus menghadapi situasi ini.

Alhamdulillah, pada masa ini, sekolah-sekolah, gedung-gedung perniagaan, tempat-tempat riadah dan lain-lain telahpun mula dibuka secara berfasa. Walau begitu, semua kita, masih saja dikehendaki untuk terus mematuhi atau mengikut apa jua arahan dan peraturan dari pihak berkuasa, khasnya Kementerian Kesihatan sebagai langkah kita berjaga-jaga.

Di peringkat serantau dan antarabangsa, Negara Brunei Darussalam akan mengekalkan hubungan rapat dengan negara-negara sahabat melalui ruang dan peluang memanfa'atkan hubungan dua hala dan juga pelbagai hala, khasnya dalam aspek diplomasi dan ekonomi. Kestabilan di rantau ASEAN, Asia-Pasifik, bahkan di peringkat global adalah tujuan yang utama."

01 JULAI 2020
SAMBUTAN BULAN BAHASA

BERAKAS, Rabu, 1 Julai 2020 - Sambutan Bulan Bahasa disambut pada setiap bulan Julai bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan DBP (1961-2011) pada 17 September 2011.

Tema sambutan tahun ini 'Bahasa Melayu Bahasa Kita', yang berobjektif untuk memperkasakan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan jati diri bangsa, dan memupuk rasa milik bersama terhadap bahasa ibunda, seramai 13 pelajar menerima Hadiah Pelajar Cemerlang Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Peperiksaan GCE Peringkat 'O' dan 'A' Tahun 2019 pada majlis yang berlangsung pagi tadi di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas.

Hadir bagi merasmikan dan menyempurnakan penyampaian hadiah tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

JERAYAWARA SISTEM KEBAJIKAN NEGARA (SKN)

TUTONG, 1 JULAI 2020 – **Dewan Utama, Kompleks Kemasyarakatan Daerah Tutong**

TEMBURONG, 2 JULAI 2020—**Dewan Kemasyarakatan, Pejabat Daerah Temburong.**

Melalui siri pembarigaan dihasratkan dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai tatacara penggunaan SKN khususnya kepada semua penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang berperanan penting sebagai agen perantara pihak kerajaan dengan rakyat dan penduduk tempatan.

06 Julai 2020
Dewan Digadong,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

KURSUS WEBINAR
MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENYAMPAIAN DENGAN CEPAT DAN MUDAH

07 Julai 2020
Bilik Kunjungan, Pejabat Menteri,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA ANGIN KENCANG

08 Julai 2020
Dewan Citra Budaya
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

TAKLIMAT GOVERNMENT HUMAN RESOURCES MANAGEMENT SYSTEM (GHRMS)

09.07.2020

TINJAU KAWASAN TERJEJAS BANJIR DI DAERAH BELAIT

KUNJUNGAN PERPISAHAN
MR. ROOGE THAMMONGKOL,
MENTERI DAN TIMBALAN KETUA MISI,
KEDUTAAN DIRAJA THAI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilik Kunjungan, Pejabat Menteri,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
14 Julai 2020

Mesyuarat Post-Mortem Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020

Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
14 Julai 2020

RAKAMAN SEMBAH UCAPAN
HARI KEPUTERAAN 74 KDYMM SULTAN DAN YANG DI PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

15 JULAI 2020

15 Julai 2020

Majlis Bacaan Doa Selamat Sempena Bermulanya 'Go Live' Sistem Kebajikan Negara (SKN) Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Pendidikan (MOE) dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan melancarkan Sistem Kebajikan Negara (SKN) pada 15 Julai 2020.

Sebuah 'taskforce' ditubuhkan di KKBS bagi melaksanakan pengendalian sistem berkenaan, bertanggungjawab untuk mengurus tadbir kesemua permohonan dari pelbagai aspek, antaranya:

- mengumpul satukan (collate) kesemua permohonan serta memastikan data dan maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem tersebut adalah tepat dan betul;

- menyalurkan permohonan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) atau kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk dibuat penilaian dan keputusan; dan

- memantau perkembangan permohonan dan keputusan permohonan.

Melalui SKN ini, ia akan berupaya memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif mengenai ekosistem bantuan di negara ini dengan telus, jelas serta tidak ada ketirisan dan keciciran terhadap bantuan-bantuan yang diagihkan.
Sistem ini juga akan dapat memberikan gambaran profil, iaitu demografi dan latar belakang pemohon, termasuk ahli keluarga mereka serta jenis bantuan yang dapat disalurkan.

Pemohon-pemohon membuat permohonan SKN di Dewan Digadong, KKBS

Kebajikan Rakyat Keutamaan Baginda

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

MINISTRY OF EDUCATION
BRUNEI DARUSSALAM

YAYASAN SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH

MAJLIS DOA KESYUKURAN DAN KHATAM AL-QURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN KDYMM PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE 74 TAHUN

Bandar Seri Begawan, Khamis, 16 Julai 2020 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Quran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke 74 tahun. Majlis berlangsung di Dewan Digadong (peserta lelaki) dan surau (peserta perempuan), di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis tersebut juga dilaksanakan secara berasingan di pejabat masing-masing secara serentak melalui kaedah penggunaan pembesar suara *(speaker)* dalam bangunan, penstriman langsung (live streaming) *melalui platform digital seperti Facebook, Microsoft team dan Zoom* mengambil kira langkah berjaga-jaga dan pelaksanaan de-escalation COVID-19.

BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA KEBAKARAN

20 Julai 2020
Pejabat Menteri,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PENYERAHKAN BUKU KECIL (BOOKLET) ANTI-DOPING - 21 Julai 2020

Program pendidikan Anti-Doping bertujuan mendidik orang ramai termasuk para pelajar sekolah mengenai bahaya dan kesalahan doping yang sering dikaitkan dengan atlet sukan.

Dengan penyerahan 'Buku Kecil (Booklet) Anti-Doping', Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam (BDADC) berharap ia akan dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah untuk menyebarkan maklumat mengenai Anti-Doping kepada para pelajar atlet sukan mereka.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui BDADC akan sentiasa berusaha untuk membanteras penggunaan bahan-bahan terlarang dalam sukan dan komited untuk meningkatkan kefahaman mengenai Anti-Doping.

Mengambil bahan-bahan terlarang bagi meningkatkan prestasi, iaitu 'performance enhancement through doping' adalah ditegah sekeras-kerasnya, di mana hukuman ke atas mana-mana atlet yang di dapati positif doping adalah sangat berat dan boleh sahaja memusnahkan karier sukan atlet berkenaan.

KURSUS 'FIRE MARSHAL' BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA

- 22 Julai 2020

Seramai 28 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya telah mengikuti kursus *'Fire Marshal'* yang berlangsung selama tiga hari bermula 20hb hingga 22hb Julai 2020, di Pusat Teknikal, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Landasan Lama, Berakas.

Selama 3 hari kursus tersebut, mereka didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran di tempat kerja, secara teori dan praktikal. Mereka juga diterangkan tindakan yang perlu diambil apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan penggunaan alat pemadam api yang betul serta membuat latihan pengosongan bangunan yang bersistematik.

Kursus tersebut dikelolakan oleh Unit Kesihatan, Keselamatan, kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN PERPISAHAN

Puan Yang Terutama
Nicola Rosenblum
Pesuruhjaya Tinggi Australia

22 Julai 2020

Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

24 Julai 2020 — Resepsi makan malam dihoskan oleh YB Menteri KKBS, sebagai tanda penghargaan dan ucapan selamat tinggal kepada PYT Nicola Rosenblum, Pesuruhjaya Tinggi Australia.

SUMBANGAN PROJEK SUKARELAWAN INISIATIF
DIRAJA KDYMM KING MAHA VAJIRALONGKORN BODINDRADEBAYAVARANGKUN,
"GOOD DEEDS FROM THE HEART"

Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul
Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand

23 Julai 2020
Bilik Kunjungan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin—Penerangan

Berdasarkan nasihat pihak Kementerian Kesihatan, sukacita Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai tiga perkara:

1. PERLAKSANAAN *DE-ESCALATION* FASA KEEMPAT (*OPERATIONAL READINESS LEVEL 4*) BAGI *GYM* DAN *FITNESS CENTRES*; FASILITI SUKAN TERTUTUP (*INDOOR*); FASILITI SUKAN LUAR (*OUTDOOR*) DAN PADANG GOLF.

2. PERLAKSANAAN *DE-ESCALATION* FASA KETIGA (*OPERATIONAL READINESS LEVEL 3*) BAGI PUSAT, MUZIUM-MUZIUM, GALERI-GALERI PAMERAN, PERPUSTAKAAN, PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK DAN PUSAT ORANG KELAINAN UPAYA

3. PERLAKSANAAN *DE-ESCALATION* FASA KEDUA (*OPERATIONAL READINESS LEVEL 2*) BAGI PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS DAN KOLAM RENANG

Kesemua perubahan dan perlaksanaan ini akan bermula pada hari Isnin, 05 Zulhijjah 1441 bersamaan 27 Julai 2020.

PERKARA PERTAMA

De-escalation tahap ke-4, pengemaskinian syarat-syarat dan garispanduan bagi penggunaan **Pusat** dan **Fasiliti Sukan** adalah seperti berikut:

1. Bagi Gym, Fitness Centres, Fasiliti Sukan Tertutup (indoor) dan Fasiliti Sukan Luar (outdoor):

(1) Beroperasi semula dengan 100% kapasiti.

(2) Penggunaan adalah dibenarkan bagi sukan '*double*' atau *'pair sports'* dan *non contact artistic sports.*

(3) Tempoh penggunaan fasiliti tidak dihadkan.

(4) Sukan Berpasukan adalah dibenarkan seperti berikut :

(a) Tidak melebihi 10 orang bagi menjalani program latihan sahaja.

(b) Pertukaran atau percampuran pemain adalah dibenarkan.

(c) Aktiviti yang melibatkan kontak fizikal dan perkongsian peralatan adalah dibenarkan secara minima.

(5) *Contact sports* adalah dibenarkan bagi sesi latihan sahaja dan tidak melibatkan latihan *sparring.*

(6) Sukan *Ten Pin Bowling* adalah dibenarkan seperti berikut:

(a) Empat (4) pengguna bagi setiap lorong.

(b) Penggunaan *house ball* dan *house shoes* adalah dibenarkan.

(c) Tempoh penggunaan tidak dihadkan.

(7) *Organized sports* dan *competition* ataupun perlawanan masih tidak dibenarkan.

2. Bagi Padang Golf dan Club House ianya dibenarkan untuk beroperasi sepenuhnya. Perubahan ialah bagi penggunaan sebuah kenderaan Buggy untuk dua pengguna pada satu masa.

PERKARA KEDUA

Perlaksanaan de-escalation tahap ketiga bagi **Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (CCC), Pusat Orang Kelainan Upaya, Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran** dan **Perpustakaan** adalah seperti berikut:

1. Bagi Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (CCC):

(1) Penggunaan akan tingkatkan daripada 60% kapasiti kepada 80% kapasiti dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti ruang pusat.

(2) Pusat ini dibukakan kepada kanak- kanak yang berumur 6 bulan ke atas dan tidak mempunyai simptom seperti demam, selesma atau berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan yang teruk.

(3) Aktiviti pusat dibenarkan untuk melakukan aktiviti berbentuk individu (*one-on-one activities*) dan berkumpulan.

(4) Kebenaran bagi pusat berkenaan untuk beroperasi di tahap ketiga adalah tertakluk kepada kelulusan hasil pemeriksaan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

2. Bagi Pusat Orang Kelainan Upaya (OKU):

(1) Penggunaan akan tingkatkan daripada 60% kapasiti kepada 80% kapasiti dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti ruang pusat.

(2) Fasiliti tersebut hanya dibukakan kepada OKU yang berisiko rendah (*low risk*) dan sederhana (*medium risk*).

(3) Aktiviti pusat dibenarkan untuk aktiviti-aktiviti dalaman, luar (*outdoor*) dan berkumpulan.

3. Bagi Muzium, Galeri dan Perpustakaan:

(1) Muzium dan Galeri akan beroperasi setiap hari kecuali hari Isnin, Jumaat dan kelepasan awam.

(2) Perpustakaan akan beroperasi seperti biasa pada setiap hari waktu bekerja.

(3) Muzium, Galeri dan Perpustakaan dibenarkan untuk beroperasi dengan kapasiti tidak melebihi 70 orang dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti ruang berkenaan.

PERKARA KETIGA

Perlaksanaan de-escalation tahap kedua bagi **Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE)** dan **Kolam Renang** adalah seperti berikut:

1. ***Bagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE):***

(1) Penggunaan akan ditingkatkan daripada 30% kapasiti kepada 60% kapasiti dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti ruang pusat berkenaan.

(2) Ianya dibukakan kepada warga emas yang berisiko rendah (*low risk*) dan berisiko sederhana (*medium risk*) iaitu yang hanya mengidap penyakit kronik yang terkawal (*controlled chronic diseases*).

(3) Aktiviti dalaman dan luar adalah dibenarkan.

2. Bagi Kolam Renang:

(1) Penggunaannya akan ditingkatkan daripada 30% kapasiti kepada 60% kapasiti dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti ruang.

(2) Penggunaan dibenarkan kepada individu berumur 12 tahun ke atas.

(3) Ianya akan dibukakan lima (5) hari dalam satu minggu serta dihadkan kepada 2 jam sehari bagi setiap individu. Kolam-Kolam Renang dibawah kawalan Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dibukakan pada hari Selasa, Rabu, Jumaat, Sabtu dan Ahad. Manakala, hari-hari operasi bagi Kolam-Kolam Renang lain adalah tertakluk kepada pemilik masing-masing.

Dengan perubahan ini, sukacita sekali lagi diingatkan untuk sentiasa mematuhi garispandu Kementerian Kesihatan khususnya dalam mengamalkan tanggungjawab sosial *(social responsibility),* penjarakan fizikal (physical distancing), serta memastikan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa demi memastikan keselamatan setiap pihak. Pemeriksaan suhu badan juga dikekalkan dan sanitasi tangan disediakan di pintu masuk dan tempat-tempat yang bersesuaian, termasuk penggunaan aplikasi BruHealth untuk tujuan pendaftaran dan mengimbas kod QR apabila masuk dan keluar setiap pusat dan fasiliti. Individu yang mengalami symptom-symptom jangkitan dan berisiko tinggi adalah tidak dibenarkan masuk.

Untuk maklumat lanjut, pusat-pusat dan orang ramai bolehlah merujuk kepada garispandu yang terperinci yang telah disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dengan melayari laman web www.kkbs.gov.bn.

COMMONWEALTH MINISTERIAL FORUM ON SPORTS AND COVID-19

23 Julai 2020

Bilik Mesyuarat Annur
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

LAWATAN AEWON BRUNEI

25 Julai 2020
Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Dan Pusat Bahagia
Daerah Brunei Dan Muara

MAJLIS PERKONGSIAN MAKLUMAT DALAM PENINGKATAN HASIL TANAMAN PADI

25 Julai 2020
Dewan Surambi
Pusat Pembangunan Belia, Tanah Jambu

KURSUS WEBINAR:
MENANGANI PERUBAHAN DALAM NORMA BARU

29 Julai 2020
Dewan Citra Budaya
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN BUKU
DARI KEDUTAAN BESAR JEPUN

Tuan Abe Hiroshi
Charge De Affaire Ad Interim
Kedutaan Besar Jepun

29 Julai 2020
Bilik Kunjungan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANTUAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN

30 Julai 2020
Pejabat Menteri
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

30 Julai 2020

BANTUAN KEPADA KALANGAN WARGA EMAS

Bantuan lampin pakai buang juga minuman susu, kepada para penerima bantuan dalam kalangan warga emas yang berkeadaan uzur (bed ridden) juga berkehidupan susah menurut garis panduan yang ditetapkan, kini diagihkan secara 'in-kind'.

Melalui kaedah pemberian secara 'in-kind' ini, para pegawai JAPEM sendiri akan menyampaikan lampin pakai buang juga susu secara langsung kepada para penerima di kediaman masing-masing setiap bulan secara serentak di keempat-empat daerah.

Kaedah pengagihan ini membolehkan pihak JAPEM untuk lebih prihatin, dengan melihat sendiri keadaan kehidupan warga emas, seterusnya menangani kemaslahatan mereka.

SUKARELAWAN BELIA
'DONATION DRIVE' HANDOVER CEREMONY

30 Julai
Stadium Tertutup
Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

TAMAT PENEMPATAN KERJA

8 orang pelajar dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Brunei Darussalam telah menamatkan penempatan kerja selama tiga bulan yang bermula dari 02 Mei hingga 31 Julai 2020, di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BULETIN HARIAN COVID-19
KAKITANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN (31 Julai 2020-Jumaat)

1 Laporan Kakitangan KKBS.

Kes	Jumlah
Pengasingan Diri *(Sejak 5hb Mac 2020)*	151 orang
Kuarantin	0
Cuti Sakit / MC	0
CSDS	0

2 Laporan Perkampungan Sukan.

Kuarantin			
Block A	Block B	Block C	Jumlah
7	NIL	7	14

Tenaga Kerja							
NDMC	MOH	POLIS	ABDB	GV	PEMBERSIH BORNEO	SUKARELAWAN	JUMLAH
2	2	2	3	3	NIL	NIL	12

3 Laporan Pengagihan Makanan.

Penghantaran Catuan Makanan (Harian Kepada Rumah/Lokasi)					
Tarikh	Brunei Muara	Tutong	Belait	Temburong	Jumlah
6 April 2020 (Isnin) hingga 30 Julai 2020 (Khamis)	37	2	27	0	85
31 Julai 2020 (Jumaat)	Tiada Pengagihan dibuat				

Penghantaran Catuan Makanan (Warga Emas)		
Tarikh	Warga Emas (Lokasi)	Jumlah Catuan (Orang)
6 April 2020 (Isnin) hingga **30 Julai 2020 (Khamis)**	66	66
31 Julai 2020 (Jumaat)	Tiada Penghantaran dibuat	

4 Laporan Pusat Pengurusan Operasi Sukarelawan.

Statistik Sukarelawan KKBS			
Tempat	Jumlah	Tempat	Jumlah
(BM) Al-Afiah Hotel	-	(BM) Parkview Hotel	3
(BM) Berakas, HC	4	(BM) Radisson Hotel	3
(BM) Brunei Hotel	3	(BM) RIPAS Hospital	49
(BM) Capital Residence (BM) Empire Hotel (BM) Gadong HC (BM) Grand City Hotel	2 3 - 2	(BM) Rizqun Hotel (BM) Sengkurong HC (BM) Starlodge Hotel (KB) Seria HC	3 - 3 3
(BM) Higher Hotel	-	(KB) SSBHKB	-
(BM) Kiulap Plaza	2	(KB) Sungai Liang HC	-
(BM) Muara HC	-	(TT) Tutong Hospital	7
(BM) Mulia Hotel	3	(TT) Sungai Kelugus	-
(BM) Pengkalan Batu HC	-	HQI	-
Jumlah	**19**	**Jumlah**	**71**
Jumlah Sukarelawan Yang Bertugas		**90 orang**	
Jumlah Keseluruhan		**1809 orang**	

• •

PEGAWAI & KAKITANGAN KKBS & JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA YANG:
NAIK PANGKAT / PINDAH / BARU MELAPOR / BERSARA (PENCEN) / KEMBALI KERAHMATULLAH

Naik Pangkat

No	Nama	Dari	Ke	Tarikh Naik Pangkat
1	Dyg Rohani binti Hj Sudin/Samsudin	Pejabat Menteri, KKBS **(Penolong Kerani Sulit)**	Pejabat Menteri, KKBS **(Kerani Sulit)**	18 Jan 2020
2	Dyg Hjh Fauziah binti Hj Abdul Hamid	Bhg Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, KKBS **(Pemangku Pengarah)**	Bhg Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, KKBS **(Pengarah)**	14 April 2020
3	Dk Hafizatul Rahmaaniah binti Pg Hj Yunus	Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya **(Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat II)**	Unit Perhubungan Awam, KKBS **(Pegawai Perhubungan Awam)**	11 Feb 2020
4	Dyg Anisa binti Hj Taib	Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri **(Penolong Pesuruhjaya Buruh)**	Pusat Pembangunan Belia, KKBS **(Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I)**	09 Dis 2019

Pindah

No	Nama	Dari	Ke	Tarikh Berpindah
1	Awg Mohd Khudri bin Hj Damit	Jabatan Kerja Raya	Unit Pengurusan Estet **(Jurutera)**	16 Jan 2020
2	Dyg Ni'matullah binti Awang Bakar	Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) **(Kerani Sulit)**	Jabatan Perancang Bandar dan Desa **(Kerani Sulit)**	02 Jun 2020
3	Dyg Siti Noradibah binti Hj Sirat	Jabatan Perkhidmatan Awam	Penolong Pegawai Kerja Tingkat I	12 Mei 2020
4	Awg Hj Masfourteen bin Awg Hj Mohd Yusof	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama	Pusat Pembangunan Belia, KKBS **(Ketua Guru Ugama)**	06 Jan 2020

Baru Melapor

No	Nama	Di	Sebagai	Tarikh Berpindah
1	Dyg Munirah binti Hj Mashod	Jabatan Belia dan Sukan	Pegawai Hal Ehwal Belia dan Sukan	01 Apr 2020
2	Dyg Siti Noor Allyatulhamizah binti Alirahim	Dewan Bahasa dan Pustaka	Penulis Skrip	05 Mac 2020
3	Mejar (B) Awng Sopian bin Hj Mohd Yassin	Bahagian Khidmat Bakti Negara, PKBN	Timbalan Komandan Kem	04 Jan 2020

PEGAWAI & KAKITANGAN KKBS & JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA YANG:
NAIK PANGKAT / PINDAH / BARU MELAPOR / BERSARA (PENCEN) / KEMBALI KERAHMATULLAH

Pencen / Bersara / Bersara Awal

No	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1	Awg Hj Jafari bin Hj Samat	**Pembantu Teknik Kanan** Unit Pengurusan Estet (UPE), Bhg Pentadbiran dan Kewangan, KKBS	24 Ogos 2020
2	Haji Awg Hamdi bin Abdullah	**Jurulatih Outward Bound,** Unit Outward Bound Brunei Darussalam, Bhg Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS	01 Sept 2020
3	Awg Hj Hamjah bin Hj Abd Rasit	**Ketua Jurulatih**, Bhg Kebudayaan dan Kesenian, KKBS	05 Jun 2020
4	Dyg Rahimah binti Hj Mohd Yusof	**Kerani,** Unit Pengurusan Estet (UPE), Bhg Pentadbiran dan Kewangan, KKBS	28 Mac 2020
5	Awg Khalid bin Mohd Noor	**Pegawai Tugas-Tugas Khas Tkt 1,** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	12 Feb 2020
6	Dyg Hjh Rahmah binti Hj Abd Ha-mid	**Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan,** Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Bhg Pentadbiran dan Kewangan, KKBS	15 Mac 2020 (Bersara awal)

Kembali Kerahmatullah

No	Nama	Jawatan	Tarikh Meninggal
1	Hajah Saliah binti Hj Yahya	Bhg Kebudayaan dan Kesenian, KKBS **(Pranidaya)**	22 Mei 2020
2	Awg Mohd Fazillah bin Mohamad	Bhg Pentadbiran dan Kewangan, KKBS **(Pemandu)**	20 Mei 2020

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
09 Zulhijjah 1441 / 31 Julai 2020

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Jumaat, 09 Zulhijjah 1441H bersamaan 31 Julai 2020M, setakat jam 12 tengahari.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
	141		
	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	138

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
436	3,717

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
461 sampel	40,663

Payung Negara Sanjungan Rakyat Jelata

SELAKU RAKYAT DAN PENDUDUK DI NEGARA INI, ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA UNTUK:

- Sentiasa taat dan patuh kepada Raja/ Pemimpin kita

15 JULAI

- Meraikan Hari Keputeraan Raja/ Payung Negara yang kita kasihi dan sanjungi.
- Berdoa agar Raja yang kita kasihi dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kekal qarar memerintah negara serta mendapat Rahmat, Pemeliharaan dan Perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan negara kita terus aman, makmur, selamat dan sejahtera di bawah kepimpinan Baginda yang adil lagi bijaksana

WORKING MONARCH

Seorang Raja dan Pemimpin yang:

- Sentiasa memeduli kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Baginda serta berjiwa rakyat. Lebih-lebih lagi dalam perkara-perkara yang melibatkan:
  - Kepentingan,
  - Kebajikan,
  - Kesejahteraan hidup penduduk dan rakyat Baginda.
- Berwawasan jauh dalam membangunkan negara melalui Wawasan 2035

Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Sumber Berita: Pelita Brunei dan Media Permata

Tim Penerbitan : Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar: Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto: Hajah Ajijah binti Haji Ali/Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman/Penerangan (infofoto)/Jabatan Daerah Belait